

# Kursus ternakan udang galah, ikan tilapia beri manfaat kepada para peserta

NST 18.10.17 6

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Entrepreneurship Research and Development Centre (ERDEC), UMS telah mengadakan kursus keusahawanan akuakultur ternakan udang galah dan ikan tilapia di Hatceri IPMB baru-baru ini.

Kedua-dua kursus ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan program keusahawanan yang diadakan oleh IPMB di samping kursus penternakan timun laut, ikan keli, akuaponik dan penanaman rumput laut.

Kursus udang galah dan ikan tilapia ini dilaksanakan secara serentak pada 7 dan 8 Oktober 2017 dan telah berjaya menarik seramai 32 bakal usahawan seluruh Sabah termasuk beberapa staf dan pelajar UMS.

Bagi kursus ternakan udang galah, peserta telah diberikan bimbingan oleh Pensyarah dari IPMB Prof. Madya Dr. Annita Yong Seok Kian dengan bantuan beberapa pembantu teknikal hatceri iaitu Allwie Romzi, Imrah Rubin, Muslim Mantaha, Frederik Nasip, Fridaus Paidi dan Christine Anthonius sebagai fasilitator.

Kursus ternakan ikan tilapia pula telah dibimbing oleh Dr. Lim Leong Seng dan Prof. Madya Dr. Julian Ransangan manakala fasilitator terdiri daripada Isabella Ebi, Rian Freddie Firdaus dan Tan Chin Yueh.

Manakala bagi kursus rumput laut, timun laut, ikan keli dari akuaponik dibimbing oleh Prof. Dr.

Rossita Shapawi, Prof. Madya Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh, Dr. Rafidah Othman, Dr. Faihana Ching dan Dr. Abentin Estim.

Dr. Annita berkata tujuan kursus udang galah ini diadakan untuk memberi dan berkongsi ilmu dengan semua peserta berhubung dengan teknik penternakan udang galah secara khususnya dan teknik-teknik akuakultur secara amnya.

Beliau berharap agar lebih ramai pengusaha ternakan air tawar dapat dilahirkan di Sabah kerana ia boleh memberikan pulangan pendapatan yang baik kepada mereka.

Dalam kursus udang galah ini, Nelson Ng Nye Sheong yang berasal dari Ipoh, Perak dan sekarang menetap di Apin-Apin, Keningau lebih 17 tahun lalu berterima kasih kepada pihak pengajur membolehkan beliau mendapat ilmu yang terkini mengenai teknik penternakan udang galah.

Ini katanya sekali gus boleh digunakan untuk memulakan perternakan udang di enam kolamnya di Apin-Apin, Keningau.

Dua peserta staf UMS yang akan bersara pada tahun hadapan iaitu Amat Jutrah Haji Musnith dan Abdul Latif Salleh telah mengambil peluang mengikuti kursus tersebut sebagai persediaan apabila bersara daripada perkhidmatan masing-masing.

Mereka berkata walaupun ketika ini belum ada apa-apa persediaan kolam namun setelah mengikuti kursus ternakan udang galah ini telah menampakkan 'satu keberhasilan' yang terbaik



KURSUS...Peserta menunjukkan sijil penyertaan yang diterima daripada ERDEC IPMB UMS anjur kursus ternakan udang galah.

yang boleh dilaksanakan apabila kembali ke kampung masing-masing.

Fasilitator kursus ternakan udang galah, Christine Anthonius, berkata kursus itu sememangnya dapat memberikan informasi yang terbaik kepada semua peserta bagi mereka yang mencebur diri dalam bidang ternakan udang galah.

Peserta kursus ternakan ikan tilapia yang juga merupakan kakitangan UMS, Edwin Lumbating dan Regina Delinting berkata selain menambah

ilmu pengetahuan ianya juga dapat mendorong serta memberikan suntikan semangat golongan muda untuk mendekati bidang penternakan akuakultur yang sudah tentu akan memberikan pulangan yang hebat kepada keluarga.

Semua peserta kursus mengharapkan agar lebih banyak pengajuran seperti ini akan diadakan pada masa hadapan untuk mendapat pengetahuan dan teknik penerapan akuakultur. Pada akhir program itu, sehingga peserta menerima sijil penyertaan daripada pihak ERDEC.